

## Semakan Nama Kayu di Malaysia berdasarkan kaedah Mutakhir Penulisan Bahasa Melayu

*Revision of Malaysian Timber Names based on the Modern Writing Method of the  
Malay Language*

**Mohd Jamil Abdul Wahab<sup>1\*</sup>, Zairul Amin Rabidin<sup>2</sup> & Ida Suraini Abd. Shukor<sup>3</sup>**

<sup>1,2</sup>*Bahagian Keluaran Hutan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, MALAYSIA*

<sup>3</sup>*Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, MALAYSIA*

<sup>1</sup>*mohdjamil@frim.gov.my, <sup>2</sup>zairulamin@frim.gov.my, <sup>3</sup>idasuraini@frim.gov.my*

**Published:** 26 June 2023

**To cite this article (APA):** Abdul Wahab, M. J., Rabidin, Z. A., & Abd. Shukor, I. S. (2023). Semakan Nama Kayu di Malaysia berdasarkan kaedah Mutakhir Penulisan Bahasa Melayu: Semakan Nama Kayu Malaysia berdasarkan Kaedah Penulisan Moden Bahasa Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(1), 54–64. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.1.6.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.1.6.2023>

### ABSTRAK

Penamaan kayu di Malaysia adalah menggunakan kata nama am dan bukannya kata nama khas. Walaubagaimanapun, masih terdapat banyak penerbitan baharu yang tidak menerapkan kaedah ejaan terkini dalam penulisan berkaitan nama-nama kayu. Untuk menyeragamkan penamaan kayu serta kaedah-kaedah ejaannya dalam penerbitan rasmi, semakan tatabahasa telah dijalankan ke atas nama-nama kayu di Malaysia berpandukan kepada kaedah terkini penulisan Bahasa Melayu. Sejumlah 225 nama-nama kayu yang terdiri daripada pelbagai spesies pokok tempatan dan eksotik telah disemak. Daripada jumlah tersebut, 52 nama-nama kayu telah dipinda, sama ada dari segi penamaan atau ejaan. Sebanyak tujuh nama kayu dipinda kerana masih menggunakan huruf konsonan -ch, hasil daripada penggunaan kaedah ejaan Rumi lama yang diamalkan sebelum tahun 1972. Sebanyak 28 nama kayu lain telah dipinda berdasarkan pola keselarasan huruf vokal yang merupakan pembetulan dari segi fonetik terhadap bunyi vokal utama. Beberapa nama kayu yang berasaskan perkataan Bahasa Inggeris telah diterjemah terus ke dalam Bahasa Melayu. Nama-nama Bahasa Melayu untuk kayu daripada spesies pokok eksotik dipinda berdasarkan rujukan kepada beberapa penulisan saintifik dan separa teknikal. Hasil kajian ini menjadi suatu panduan yang amat penting dalam industri perkayuan berkaitan penamaan kayu di Malaysia serta ejaan yang tepat dan seragam berdasarkan penulisan Bahasa Melayu.

**Kata kunci:** Spesies pokok, penamaan kayu, ejaan Rumi baharu, konsonan koronal, pola keselarasan huruf vokal, rekonstruksi fonologi

### ABSTRACT

*The naming of wood in Malaysia uses common nouns instead of proper nouns. Nevertheless, most recent publications do not apply the latest spelling methods in writing related to the names of wood. A grammatical review has been conducted to standardise the naming of wood in Malaysia and its spelling in official publication, based on the latest method of writing in the Malay language. A total of 225 wood names consisting of various local and exotic tree species have been reviewed. Overall, 52 names of wood were revised, either in terms of naming or spelling. Relatively, seven wood names were amended due to the use of the consonant -ch, resulting from the old Roman spelling method practiced before 1972. Another 28 wood names revised based on the pattern of vowel harmony, which corrects phonetic aspects related to primary vowel sounds. Several wood names based on English words were directly translated into the Malay language. Wood names of the exotic tree species in the Malay language were revised in line with several scientific and semi-technical publications. Findings from this study serve as a crucial guideline in wood industry concerning the naming of wood, and ensuring accurate and uniform spelling in accordance with the Malay language writing standards.*

**Keywords:** *Tree species, timber naming, latest Rumi spelling, coronal consonant, pattern agreement of vowels, phonological reconstruction*

## PENGENALAN

Terdapat pelbagai jenis pokok berkayu di Malaysia yang terdiri daripada lebih kurang 3,000 spesies tempatan, selain daripada pelbagai spesies eksotik (MyBIS, 2022). Pokok tempatan ialah spesies pokok yang direkodkan sebagai berasal dan berevolusi dalam kondisi ekologi di Malaysia. Manakala pokok eksotik ialah spesies pokok yang bukan berasal dari Malaysia tetapi kemudian diperkenalkan dan tumbuh secara tempatan sama ada secara sengaja atau tidak. Umumnya, pokok eksotik merujuk kepada spesies pokok asing yang ditanam untuk tujuan perladangan hutan, sebagai pokok teduhan dan landskap, atau sebagai sumber bahan makanan (Mohd Jamil dan Amir, 2022). Secara saintifik, sesuatu spesies pokok adalah dirujuk menggunakan sistem penamaan binomial yang berasaskan perkataan latin, yang juga dikenali sebagai nama botani (*botanical name*) atau nama saintifik (*scientific name*).

Selain daripada nama botani, sebahagian besar spesies pokok yang ditemui di negara ini mempunyai nama tempatan (*vernacular name*). Sebagai contoh, di Semenanjung Malaysia, kempas adalah nama tempatan untuk pokok *Koompassia malaccensis* di mana perkataan *malaccensis* merujuk kepada nama tempat iaitu Melaka (*Malacca*). Spesies pokok yang sama juga dikenali dengan nama yang berlainan, iaitu impas di Sabah dan menggris di Sarawak. Contoh yang lain adalah pokok *Ctenolophon parvifolius* yang dikenali sebagai mertas di Semenanjung Malaysia, sedangkan di Sabah dan Sarawak pokok yang sama dikenali dengan nama tempatan masing-masing besi-besi dan lithoh (Wong, 2019). Secara amnya, penamaan sesuatu jenis kayu adalah berdasarkan nama pokok. Justeru, balak dan kayu bergergaji yang diproses daripada pokok *Koompassia malaccensis* juga dikenali sebagai kempas di Semenanjung Malaysia, impas di Sabah dan menggris di Sarawak. Sama juga keadaannya, balak dan kayu bergergaji yang diproses daripada pokok *Ctenolophon parvifolius* dikenali sebagai mertas di Semenanjung Malaysia, besi-besi di Sabah dan lithoh di Sarawak.

Penamaan kayu sering menimbulkan kekeliruan, kerana sesuatu spesies pokok mempunyai lebih daripada satu nama tempatan, di samping terdapat pelbagai nama gelaran (*epithet*) (Wong, 2019). Umumnya, nama tempatan dan nama gelaran yang diberikan adalah berdasarkan kepada ciri-ciri morfologi pokok (seperti batang, kulit, buah dan bentuk daun), atau sempena nama tempat di mana spesies tersebut ditemui, atau lokasi umum tumbuhnya spesies tersebut. Sebagai contoh, pokok giam kancing pertama kali direkodkan secara saintifik di Hutan Simpan Kanching di negeri Selangor (Lillian *et al.*, 2004). Pokok kembang semangkuk pula dinamakan sedemikian kerana bijinya yang kering akan mengembang apabila direndam di dalam air. Demikian juga, pokok meranti tembaga mendapat nama daripada silaranya yang berwarna tembaga dan mudah kelihatan.

Lebih mengelirukan lagi apabila kayu daripada beberapa spesies pokok yang berbeza, yang mempunyai sifat-sifat kayu yang hampir sama, sering dipasarkan dengan nama dagangan (*trade name*) yang sama. Sebagai contoh, kayu daripada pelbagai spesies *Cotylelobium* spp. dan *Vatica* spp. didagangkan dengan nama yang sama iaitu resak. Nama dagangan kayu juga berbeza berdasarkan tempat pasaran yang berlainan. Sebagai contoh, kayu balau di Semenanjung Malaysia diperoleh daripada pelbagai spesies pokok di dalam keluarga *Shorea* seperti balau kuning, balau bukit, balau sengkawang air dan balau gunung. Walau bagaimanapun, di Sabah dan Sarawak, kayu balau dikenali dan didagangkan dengan nama selangan batu.

Terdapat pertindihan nama-nama yang hampir serupa bagi beberapa spesies pokok yang berlainan. Misalnya, cengal keras dan cengal pasir masing-masing ialah nama gelaran untuk dua spesies pokok yang berbeza iaitu *Hopea nutans* dan *H. odorata*. Ironinya, sifat-sifat kayu seperti kekuatan dan ketahanan daripada kedua-dua spesies tersebut tidak setara dengan kayu daripada pokok *Neobalanocarpus heimii* yang sangat popular dengan nama cengal. Lebih mengelirukan, kayu daripada spesies *H. nutans* dan *H. odorata* masing-masing mempunyai nama dagangan yang berbeza iaitu giam

dan merawan. Keadaan sebegini menimbulkan kekeliruan yang menyebabkan pertikaian ketika menjalankan urusan jual-beli kayu bergergaji, serta terjadinya risiko penggunaan kayu yang salah.

Sebagai inisiatif untuk menyelaraskan nama-nama kayu di seluruh negara, satu sistem penamaan yang diistilahkan sebagai nama piawai Malaysia (*standard Malaysian name*) telah diperkenalkan. Penyelarasan tersebut penting kepada industri perkayuan untuk memastikan ketepatan rujukan dan mengelakkan kekeliruan teknikal. Sehingga hari ini, sejumlah besar kayu tempatan telah mempunyai nama piawai Malaysia dan digunakan secara meluas dalam penerbitan ilmiah dan pelbagai brosur komersial (Wood Wizard, 2022). Bagi sebahagian jenis kayu yang tidak mempunyai nama piawai Malaysia kerana kurang terkenal di pasaran, nama umum Malaysia (*common Malaysian name*) telah digunakan (Wong, 2019).

## **SOROTAN KAJIAN TERHADAP KEPERLUAN SEMAKAN**

Penamaan kayu bukanlah suatu kata nama khas sebaliknya ia merupakan kata nama am (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2022). Nama-nama kayu di Malaysia masih menggunakan kaedah ejaan Rumi lama dengan huruf konsonan -ch seperti “chengal”. Selain itu, ada nama kayu yang masih menggunakan pola ejaan e taling seperti nama “balek angin”. Kaedah penulisan lama tersebut masih diguna pakai di dalam penulisan bacaan umum, jurnal saintifik dan penerbitan rasmi berkaitan perkayuan sehingga ke hari ini (Peraturan Pemingkatan Kayu Keras Gergaji Malaysia, 2009; Malaysian Standard, 2001). Oleh kerana nama piawai Malaysia merupakan penamaan kayu yang dijadikan rujukan untuk seluruh negara, maka terdapat keperluan untuk menyelaraskan nama-nama kayu tempatan serta cara ejaannya berdasarkan kaedah penulisan terkini Bahasa Melayu.

Selain itu, kayu daripada pokok eksotik yang berasal daripada luar negara juga sering dirujuk dengan pelbagai nama yang berlainan. Sebagai contoh, kayu daripada pokok *Hevea brasiliensis* ditulis sebagai nama “*rubberwood*” di dalam dokumen berkaitan undang-undang dan peraturan perkayuan (Peraturan Pemingkatan Kayu Keras Gergaji Malaysia, 2009). Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia menamakan kayu daripada pokok *H. brasiliensis* dengan nama piawai “*Malaysian rubberwood*” (Malaysian Grading Rules for Rubberwood Sawn Timber, 2013). Bagi pasaran kayu bergergaji tempatan, kayu tersebut dirujuk dengan nama “kayu getah” (Harga Kayu, 2022). Pihak yang menguruskan perladangan hutan di peringkat nasional iaitu Forest Plantation Development Sdn. Bhd. pula menggunakan nama “getah” bagi merujuk kepada spesies tersebut (Species, 2022). Untuk tujuan promosi di peringkat antarabangsa, nama “*Malaysian oak*” sering digunakan untuk kayu *H. brasiliensis* kerana menyerupai kayu *American oak* dari segi warna, corak, dan tekstur (Wong, 2019). Nama-nama yang pelbagai yang diberikan kepada satu jenis kayu adalah disebabkan oleh kepentingan komersial secara amnya, dan bukan berdasarkan prinsip penulisan Bahasa Melayu. Jelas bahawa terdapat keperluan untuk menyeragamkan nama-nama kayu eksotik dan ejaannya di dalam penerbitan-penerbitan rasmi di peringkat kebangsaan.


Satu kajian telah dijalankan untuk menyemak dan menyelaraskan nama-nama kayu tempatan serta cara ejaannya yang betul. Nama kayu yang digunakan di dalam dokumen-dokumen rasmi kerajaan pada ketika ini masih berasaskan gaya penulisan Rumi lama, serta bercampur aduk dengan perkataan-perkataan bahasa Inggeris. Kajian ini perlu supaya nama-nama kayu yang digunakan dalam dokumen teknikal mahupun bukan teknikal menepati kaedah penulisan Bahasa Melayu. Nama kayu dan ejaan yang seragam adalah amat penting untuk penyampaian maklumat serta komunikasi yang tepat dan berkesan, lebih-lebih lagi untuk dokumen yang melibatkan hal perundangan.

Artikel ini bertujuan untuk membuat semakan bahasa ke atas nama-nama kayu di Malaysia bagi tujuan penyelarasan berpandukan kaedah terkini penulisan Bahasa Melayu. Ia merupakan sebahagian daripada usaha ilmiah dan pendedahan secara terus kepada pihak industri perkayuan tentang ejaan yang tepat dan seragam untuk menulis nama-nama kayu di dalam penulisan Bahasa Melayu.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan data kajian dijalankan dengan membuat rujukan kepada dokumen-dokumen rasmi kerajaan serta buku ilmiah yang mengandungi nama-nama kayu di Malaysia (Malaysian Standard, 2001; Peraturan Pemingkatan Kayu Keras Gergaji Malaysia, 2009; Wong, 2019). Nama-nama kayu tersebut terdiri daripada spesies-spesies pokok tempatan dan juga eksotik. Setiap satu nama kayu yang didapati daripada dokumen-dokumen tersebut disemak dari segi asas persuratan Melayu, serta kaedah ejaan suku kata.

Semakan penamaan kayu yang dijalankan tertumpu kepada nama piawai Malaysia (*standard Malaysian name*) dan nama umum Malaysia (*common Malaysian name*). Semakan tidak melibatkan penamaan kayu yang lain seperti nama tempatan (*vernacular name*), nama gelaran (*epithet*) atau nama dagangan (*trade name*). Skop semakan yang dijalankan dapat diringkaskan berdasarkan gambar rajah 1.



**Rajah 1:** Skop semakan nama piawai dan nama umum kayu

Senarai nama-nama kayu yang disemak telah diperolehi daripada penerbitan utama yang berkaitan dengan perkayuan. Nama-nama kayu yang menggunakan huruf konsonan lama iaitu ch, dh, dz, sh dan th dipinda berdasarkan kaedah ejaan baharu. Pindaan juga dibuat berdasarkan pola keselarasan huruf-huruf vokal mengikut sistem ejaan Rumi Bahasa Melayu yang baharu seperti pada Jadual 1 (Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia, 1985). Bagi nama kayu yang menggunakan asas Bahasa Inggeris, penamaan yang dipinda merupakan terjemahan langsung kepada Bahasa Melayu. Nama-nama kayu daripada pokok eksotik diambil daripada beberapa penulisan umum dan berdasarkan sebutan nama asal dengan sedikit pindaan huruf. Kaedah semak-silang dengan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2022) telah dilaksanakan bagi menentukan kesahihan nama dan ejaan yang dipinda.

**Jadual 1:** Pola keselarasan huruf vokal (untuk pengejaan kata jati Bahasa Melayu)

Bil.	Suku kata praakhir	Suku kata akhir tertutup	Bil.	Suku kata praakhir	Suku kata akhir tertutup
1.	a	-a	10.	i	-a
2.	a	-i	11.	i	-i
3.	a	-u	12.	i	-u
4.	e pepet	-a	13.	o	-a
5.	e pepet	-i	14.	o	-e taling
6.	e pepet	-u	15.	o	-o
7.	e taling	-a	16.	u	-a
8.	e taling	-e taling	17.	u	-i
9.	e taling	-o	18.	u	-u

## ANALISIS DAN DAPATAN

Sejumlah 225 nama kayu yang terdiri daripada pelbagai spesies pokok tempatan dan eksotik telah disemak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52 nama kayu telah dipinda, sama ada dari segi penamaan atau ejaan. Rujukan yang dibuat pada laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu mengesahkan bahawa nama pokok tidak perlu ditulis dengan huruf besar kecuali di awal ayat kerana nama tersebut merupakan suatu kata nama am (Rajah 2). Ia menjelaskan salah faham ramai penulis yang lebih memilih untuk menggunakan huruf besar dalam penulisan nama-nama pokok. Ini berlaku kerana kebanyakan pengkaji bidang perhutanan dan perkayuan menulis nama pokok atas dasar kepentingan teknikal dan bukannya berasaskan prinsip penulisan Bahasa Melayu. Oleh sebab yang sama juga terdapat beberapa nama kayu yang menggunakan asas Bahasa Inggeris walaupun di dalam penulisan rasmi Bahasa Melayu. Nama balak atau nama kayu juga pada hakikatnya adalah merujuk kepada nama pokok. Oleh kerana itu, nama untuk balak atau kayu di dalam sesuatu penulisan tidak ditulis dengan huruf besar kecuali di awal ayat.

**Jawapan**

**1. JELUTUNG** - tumbuhan (pokok), *Dyera costulata*; ~ badak sj tumbuhan (pokok renek), *Ervatamia corymbosa*; ~ laut sj tumbuhan (pokok), *Euphorbia atoto*; rotan ~ sj rotan, rotan segera (kerai, gelang, kemunting), *Daemonorhops geniculatus*.  
**CENGAL** - ~ batu = ~ emas = ~ sabut = ~ siput sj tumbuhan (pokok yg kayunya keras dan elok utk dibuat rumah dll), *Balanocarpus heimii*; ~ kampung = ~ pasir sj tumbuhan (pokok besar), *Hopea odorata*. **NYATUH** - sj tumbuhan (pokok yg kayunya elok utk bahan rumah), tabah putih, *Palaquium obovatum*; **2.** = ~ beringin = ~ sondai sj tumbuhan (pokok yg kayunya elok utk bahan rumah), *Payena Lavilandii*.

2. Nama-nama pokok tidak perlu ditulis dengan huruf besar kecuali di awal ayat kerana nama-nama pokok tersebut merupakan kata nama am.

**Rajah 2:** Tangkap layar berkaitan panduan penulisan nama pokok di laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu

## **NAMA KAYU DARIPADA SPESIES POKOK TEMPATAN**

Sebanyak tujuh nama kayu dipinda kerana masih menggunakan huruf konsonan ch antaranya chempaka, chenderai dan chengal (Jadual 2). Perkataan yang menggunakan huruf konsonan ch, dh, dz, sh dan th menerapkan kaedah ejaan Rumi lama yang diguna pakai sebelum tahun 1972 (Ismail, 2002). Walaupun hampir 50 tahun semenjak ejaan baharu diperkenalkan, sebilangan besar penerbitan masih tidak menerapkan kaedah ejaan terkini dalam penulisan berkaitan penamaan kayu. Semakan penulis mendapati hanya sebilangan kecil penerbitan teknikal yang mengguna pakai nama kayu berdasarkan ejaan baharu (Lim *et al.*, 2017).

Kebanyakan nama-nama kayu telah dipinda berdasarkan pola keselarasan huruf vokal bagi suku kata praakhir dan suku kata akhir tertutup seperti contoh yang berikut:

- pola huruf vokal u-o seperti jelutong, jenjulong, dan membuloh dipinda kepada pola vokal u-u,
- pola vokal a-o seperti kembang semangkok dan kekatong dipinda kepada pola vokal a-u, dan
- pola vokal e pepet-o seperti sesendok dipinda kepada pola vokal e pepet-u.

Sebanyak 28 nama kayu telah dipinda berdasarkan pola keselarasan huruf vokal. Pindaan nama-nama tersebut secara umumnya merupakan suatu pembetulan dari segi fonetik terhadap bunyi vokal utama.

Beberapa nama kayu merupakan singkatan kepada kata nama berganda, seperti jenjulong yang merupakan singkatan kepada julung-julung, dan kekatong yang merujuk kepada singkatan katung-katung. Namun dari aspek penulisan, penggunaan nama yang umum serta pemahaman pembaca adalah lebih berkesan dengan menggunakan nama jenjulong dan kekatong. Cuma sebagai penyelarasan huruf vokal nama-nama tersebut dipinda kepada jenjulung dan kekatung masing-masing. Walau bagaimanapun, ada nama-nama kayu yang lebih sesuai digunakan dengan kata nama berganda seperti api-api dan jarum-jarum. Kesesuaian-kesesuaian yang dinyatakan tersebut adalah kerana kepentingan dagangan dan kebiasaan penggunaannya di dalam industri perkayuan.

Terdapat juga beberapa nama kayu yang ditulis dalam penulisan rasmi di peringkat nasional dengan menggunakan perkataan Bahasa Inggeris. Contohnya nama *dark red meranti* dan *red balau* yang digunakan dalam dokumen Peraturan Pemeringkatan Kayu Keras Bergergaji Malaysia (Peraturan Pemeringkatan Kayu Keras Gergaji Malaysia, 2009). Nama-nama tersebut pada dasarnya merujuk kepada warna kayu yang boleh diterjemah terus ke dalam Bahasa Melayu. Nama-nama kayu tempatan dan ejaan yang berasaskan Bahasa Inggeris telah diselaraskan untuk menepati kaedah penulisan Bahasa Melayu dan disenaraikan di dalam Jadual 3.

Berdasarkan konsep yang sama, pindaan tatanama kayu boleh dikembangkan kepada nama tempatan, nama gelaran dan nama dagangan. Nama-nama tempatan dan gelaran untuk kayu adalah sangat banyak untuk disenaraikan satu persatu di dalam artikel ini. Namun pindaan boleh dijalankan menggunakan asas yang sama untuk pembetulan huruf konsonan dan huruf vokal. Sebagai contoh, nama tempatan untuk kayu daripada pokok *Garcinia atroviridis* iaitu asam gelugor dipinda berdasarkan pola keselarasan huruf vokal u-u kepada asam gelugur. Keruing chogan yang merupakan nama gelaran untuk kayu daripada pokok *Dipterocarpus rigidus*, dipinda kepada ejaan baru tanpa konsonan -ch iaitu keruing cogan.

**Jadual 2:** Senarai pindaan ejaan nama piawai dan nama umum kayu tempatan

<b>Bil.</b>	<b>Ejaan lama</b>	<b>Ejaan baharu</b>
1.	balek angin	balik angin
2.	bebusok	bebusuk
3.	bintangor	bintangur
4.	bungor	bongor
5.	chempaka	cempaka
6.	chenderai	cenderai
7.	chengal	cengal
8.	chichah	cicah
9.	chinta mula	cinta mula
10.	entapuluh	entapuluh
11.	gerok	geruk
12.	ipoh	ipuh
13.	jelutong	jelutung
14.	jelutong pipit	jelutung pipit
15.	jenjulong	jenjulong
16.	kekatong	kekatung
17.	kembang semangkok	kembang semangkuk
18.	machang	macang
19.	melagangai	malagangai
20.	membuloh	membuluh
21.	menarong	menarung
22.	mendaroh	mendaruh
23.	menggambong	menggambung
24.	mengkundor	mengkundur
25.	nyatoh	nyatuh
26.	nyatoh kuning	nyatuh kuning
27.	nyireh	nyirih
28.	perupok	perupuk
29.	rasamala	raksamala
30.	rambutan pachat	rambutan pacat
31.	sempilor	sempilur
32.	sesendok	sesenduk
33.	simpoh	simpuh
34.	telor buaya	telur buaya
35.	teluto	telutuh

**Jadual 3:** Senarai nama dan ejaan kayu berasaskan Bahasa Inggeris

Bil.	Nama di dalam Bahasa Inggeris	Nama di dalam Bahasa Melayu
1.	dark red meranti	meranti merah tua
2.	light red meranti	meranti merah muda
3.	red balau	balau merah
4.	white meranti	meranti putih
5.	white seraya	seraya putih
6.	yellow meranti	meranti kuning

Oleh kerana penamaan sesuatu spesis pokok kebiasaannya diberi berdasarkan elemen-elemen yang menggambarkan ciri-ciri anatomi makroskopik, morfologi atau domain pertumbuhannya, maka terdapat perkataan-perkataan yang kerap digunakan pada nama tempatan dan nama gelaran pokok atau kayu. Beberapa perkataan yang kerap digunakan untuk penamaan pokok beserta nama pindaan berdasarkan kaedah penulisan terkini disenaraikan di dalam Jadual 4.

## NAMA KAYU DARIPADA SPESIES POKOK EKSOTIK

Beberapa spesies pokok kayu eksotik telah lama ditanam di negara ini untuk tujuan perladangan seperti *Acacia* spp., *Elaeis guineensis*, *Eucalyptus* spp., *Hevea brasiliensis*, *Pinus* spp., dan *Tectona grandis*. Nama dan ejaan untuk kayu daripada pokok-pokok tersebut masing-masing boleh dirujuk kepada nama pokok yang diiktiraf di dalam Bahasa Melayu iaitu akasia, kelapa sawit, kayu putih, getah, pain dan jati (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2022). Untuk komunikasi yang lebih berkesan, penambahan perkataan kayu sebelum perkataan getah, dan batang sebelum perkataan kelapa sawit adalah disarankan kerana kedua-dua spesies pokok tersebut lebih dikenali melalui penghasilan utamanya iaitu masing-masing lateks dan buah kelapa sawit (Jadual 5). Jika konteks keseluruhan sesuatu penulisan adalah berkaitan kayu, perkataan kayu dan batang kedua-duanya boleh diguna atau tidak digunakan bergantung kepada kesesuaian sintaksis.

**Jadual 4:** Senarai perkataan yang kerap digunakan dalam penamaan pokok dan kayu

Bil.	Ejaan lama	Ejaan baharu
1.	ayer	air
2.	balong	balung
3.	berteh	bertih
4.	buloh	buluh
5.	burong	burung
6.	china	cina
7.	gelugor	gelugur
8.	gunong	gunung
9.	itam	hitam
10.	kechil	kecil
11.	kuching	kucing
12.	lichin	licin
13.	puteh	putih
14.	runching	runcing
15.	tandok	tanduk
16.	tasek	tasik



Terdapat spesies pokok eksotik yang lain seperti *Gmelina arborea*, *Khaya ivorensis*, *Maesopsis eminii*, *Paulownia* spp. dan *Swietenia macrophylla*. Nama-nama kayu daripada spesies tersebut boleh diperolehi daripada beberapa penulisan saintifik dan separa teknikal iaitu yemani, mahogani Afrika, musizi, paulonia, dan mahogani (Jadual 5). Nama-nama musizi, paulonia dan yemani dipilih kerana ketiga-tiganya merupakan nama dagangan antarabangsa untuk kayu daripada spesies tersebut. Walau bagaimanapun, nama-nama yang dinyatakan di atas belum diiktiraf secara rasmi di dalam penulisan Bahasa Melayu.

**Jadual 5:** Senarai pindaan nama dan ejaan kayu eksotik

Bil.	Nama botani	Nama kayu	Nama baharu
1.	<i>Acacia</i> spp.	acacia	akasia
2.	<i>Elaeis guineensis</i>	oil palm	batang kelapa sawit
3.	<i>Eucalyptus</i> spp.	eucalyptus	kayu putih
4.	<i>Gmelina arborea</i>	yemane	yemani
5.	<i>Hevea brasiliensis</i>	rubberwood	kayu getah
6.	<i>Khaya ivorensis</i>	khaya	mahogani Afrika
7.	<i>Maesopsis eminii</i>	maesopsis	musizi
8.	<i>Paulownia</i> spp.	paulownia	paulonia
9.	<i>Pinus</i> spp.	pine	pain
10.	<i>Swietenia macrophylla</i>	mahogany	mahogani
11.	<i>Tectona grandis</i>	kayu jati/ teak	jati

## PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk menyelaraskan nama-nama kayu di Malaysia berpandukan kaedah terkini penulisan Bahasa Melayu. Ia merupakan suatu inisiatif pendedahan kepada pihak-pihak yang berkepentingan di dalam bidang perkayuan tentang ejaan yang tepat dan seragam untuk menulis nama-nama kayu. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut tidak semestinya mudah diterima oleh semua pihak terutamanya pihak industri. Industri perkayuan kayu tropika melibatkan pasaran tempatan dan eksport dengan nilai dagangan yang sangat tinggi. Justeru, para pengilang dan pedagang kayu tidak mahu meletakkan risiko kehilangan pelanggan dalam dan luar negara hanya kerana keperluan meminda nama kayu atau ejaannya.

Walaupun penamaan kayu pada dasarnya hanya merupakan suatu bentuk perkataan dalam mana-mana penulisan, tetapi cetusan di dunia nyata memungkinkan terjadi salah faham dan kekeliruan teknikal yang memudaratkan. Contoh kes yang pernah berlaku adalah berkaitan kayu daripada pokok *Khaya ivorensis* yang banyak ditanam di kawasan perbandaran. Pokok-pokok yang telah tua ditebang oleh pihak kerajaan tempatan untuk tujuan pembangunan dan penyelenggaraan. Memandangkan kayu daripada pokok-pokok tersebut boleh dimanfaatkan, tual-tual balaknya telah dipasarkan dengan nama “mahogany”. Isu timbul apabila pihak pembeli menyangkakan bahawa “mahogany” yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kayu daripada spesies *Swietenia macrophylla* yang juga popular dengan nama dagangan yang sama. Kesannya pihak pembeli mengalami kerugian yang besar kerana kayu *Khaya ivorensis* mempunyai kualiti dan permintaan yang lebih rendah berbanding kayu *Swietenia macrophylla*.

Berkaitan dengan teknologi digital, ketidakseragaman nama dan ejaan memberi impak yang amat ketara dalam dunia siber. Pencarian maklumat yang berkesan pada enjin carian memerlukan kata kunci dengan ejaan yang tepat. Pengalaman penulis sendiri apabila mencari maklumat untuk kayu cengal akan menghasilkan dua siri sumber maklumat yang berbeza apabila memasukkan katakunci ‘cengal’ dan ‘chengal’ masing-masing. Situasi tersebut bukan sahaja memungkinkan keciciran maklumat, bakh

mengambil masa dua kali ganda untuk menjalankan semakan terhadap semua senarai maklumat yang ditemui. Masukan kata kunci untuk carian di dalam kamus digital adalah lebih rumit. Masukan nama-nama kayu dengan ejaan lama seperti chengal, nyatoh, dan jelutong tidak menghasilkan apa-apa maklumat daripada enjin carian Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **PERANAN AGENSI KERAJAAN**

Realitinya, keperluan pindaan penamaan dan ejaan kayu tersebut tidak ketahu oleh ramai pakar dan pemain industri per kayu di dalam negara. Ini kerana kebanyakan mereka terlibat dan terlatih dari sudut teknikal bidang perhutanan atau per kayu, tetapi bukan dari sudut bahasa. Tambahan pula, kebanyakan sumber asal maklumat perhutanan dan per kayu di Malaysia telah dibangunkan semasa era penjajahan British. Maka majoriti rekod dan data berkaitan per kayu adalah berdasarkan percampuran dua bahasa (Bahasa Melayu dan Inggeris) dan ianya terus-menerus digunakan sehingga ke hari ini. Nama seperti white meranti adalah merujuk kepada kayu daripada beberapa spesies pokok *Shorea* yang mempunyai papan dengan tona warna keputihan. Nama rubberwood pula lebih kerap digunakan berbanding kayu getah walaupun di dalam penulisan rasmi Bahasa Melayu. Maka artikel ini amat penting untuk mengangkat isu penamaan dan ejaan kayu di Malaysia ke perhatian umum.

Antara langkah awal ke arah mengimplementasikan pindaan yang dirancang adalah melalui pembetulan penamaan kayu di dalam pelbagai wacana penerbitan rasmi di peringkat kebangsaan seperti dokumen standard Malaysia, peraturan berkaitan per kayu, dan terbitan teknikal. Selain daripada itu, para penyelidik bidang per kayu seharusnya menggunakan penamaan kayu yang betul dan seragam dalam jurnal atau prosiding penyelidikan. Agensi-agensi kerajaan seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) serta institusi-institusi pengajian tinggi memainkan peranan yang amat penting untuk memastikan keberkesanan pindaan tersebut.

Perlu diketahui juga bahawa terdapat tempat-tempat di dalam negara yang dinamakan sempena nama pokok seperti Ipoh di negeri Perak, Machang di negeri Kelantan dan banyak lagi tempat lain. Nama-nama tersebut telah lama diiktiraf sebagai nama rasmi sesuatu tempat. Maka, nama tempat yang menggunakan nama pokok bukan sahaja ditulis bermula dengan huruf besar dalam penulisan, bahkan ejaannya juga dikekalkan berdasarkan huruf-huruf konsonan dan vokal yang asal.

## **KESIMPULAN**

Semakan penamaan kayu telah dijalankan terhadap 225 nama kayu yang terdiri daripada spesies pokok tempatan dan eksotik. Daripada jumlah tersebut, 52 nama-nama kayu telah dipinda dari segi penamaan atau ejaan. Sebanyak tujuh nama kayu dipinda kerana masih menggunakan kaedah ejaan Rumi lama dengan huruf konsonan ch. Sejumlah 28 nama kayu dipinda berdasarkan pola keselarasan huruf vokal dan pembetulan dari segi fonetik. Enam nama kayu tempatan yang berasaskan Bahasa Inggeris telah diselaraskan untuk menepati kaedah penulisan Bahasa Melayu. Penamaan kayu dan cara ejaan untuk spesies pokok eksotik boleh dirujuk pada Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Berdasarkan kaedah yang digunakan, nama kayu daripada spesies pokok eksotik yang tidak mempunyai nama di dalam Bahasa Melayu telah dicadangkan untuk penulisan umum mahupun saintifik. Pindaan nama tempatan dan nama gelaran untuk kayu boleh dijalankan menggunakan asas pembetulan yang sama untuk huruf konsonan dan huruf vokal. Antara langkah awal untuk mengimplementasikan pindaan yang dirancang adalah melalui pembetulan penamaan kayu di dalam penerbitan rasmi di peringkat kebangsaan seperti dokumen standard Malaysia, peraturan berkaitan per kayu, dan terbitan teknikal. Penamaan kayu yang betul dan seragam juga perlu digunakan dalam penerbitan jurnal atau prosiding penyelidikan.

## RUJUKAN

- Harga Kayu*. (2022). Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. <https://www.mtib.gov.my/perkhidmatan/promosi/harga-kayu>
- Ismail Dahaman. (2002). *Bahasa kita*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lillian Chua Swee Lian, Nurulhuda H, Hamidah Mamat & Saw Leng Guan. (2004). Conservation status of *Hopea subalata* (Dipterocarpaceae) in Peninsular Malaysia. *Journal of Tropical Forest Science*, 16(3), 271–282.
- Lim Seng Choon, Gan Kee Seng & Nordahlia Abdullah Siam. (2017). *Identification of Malaysian timbers using dichotomous key*. FRIM Technical Information Handbook No. 46. Forest Research Institute Malaysia.
- Malaysian Grading Rules for Rubberwood Sawn Timber*. (2013). Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.
- Malaysian Standard. (2001). MS 544 - *Code of Practice for Structural Use of Timber: Part 2: Permissible Stress Design of Solid Timber*. Department of Standard Malaysia, Putrajaya.
- Mohd Jamil Abdul Wahab & Amir Saaiffudin Kassim. (2022). Glossary of terminologies of Malaysian timber species and groups. *Timber Technology Bulletin* No. 114. Forest Research Institute Malaysia.
- MyBIS. (2022). *Malaysia Biodiversity Information System*. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. <https://mybis.gov.my>
- Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*. (1985). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peraturan Pemeringkatan Kayu Keras Gergaji Malaysia*. (2009). Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. (2022). Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my>
- Species*. (2022). Forest Plantation Development Sdn. Bhd. <https://fpd.com.my/species>
- Wong Tuck Meng. (2019). *A dictionary of Malaysian timbers*. Revised by Lim SC & Chung RCK. Malayan Forest Records No. 30. Forest Research Institute Malaysia.
- Wood Wizard*. (2022). Malaysian Timber Council. <https://mtc.com.my/wizard>